

## PROSEDUR DAN TATACARA MEMOHON LESEN MAJLIS DAERAH TENOM

### PENGENALAN

Setiap perniaga perlu memperolehi lesen premis perniagaan daripada PBT sebelum memulakan sebarang aktiviti perniagaan.

Jenis dan definisi lesen-lesen yang dikeluarkan oleh PBT ialah:

#### i. Lesen Premis Perniagaan dan Iklan

Menjalankan sebarang aktiviti perniagaan/komersil di kawasan atau premis bangunan kekal/ bangunan separuh kekal / bangunan sementara yang berada di kawasan pentadbiran Majlis.

#### ii. Lesen Penjaja

“Aktiviti penjajaan” ertinya menjual dan menawarkan untuk menjual apa-apa barang atau perkhidmatan di sesuatu tapak menjaja sama ada statik atau bergerak.

Berniaga di tempat / kawasan yang disediakan atau dibenarkan oleh Majlis

#### iii. Permit Perniagaan

Menjalankan aktiviti perniagaan yang membentuk One off/ sementara bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Majlis  
Menjalankan perniagaan yang disediakan oleh Majlis.

### JENIS-JENIS LESEN YANG DIKELUARKAN OLEH PBT MAJLIS DAERAH TENOM.

- **Lesen Tamu**
- **Lesen Pasar**
- **Lesen Penjaja**

- **Lesen Premis (Restoran Makan & Minum)**
- **Lesen Hotel dan Penginapan (Lodging House)**
- **Lesen Hiburan dan Iklan**
- **Lesen Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan**

### LESEN TAMU

Lesen Tamu digubal di bawah Tenom District Council (Tamu) By-Laws 1960 iaitu lesen ini memberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan di kawasan terbuka oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Pihak Berkuasa Tempatan akan melantik “Tamu Master” yang mana bertanggungjawab mengutip bayaran lesen tamu.

### LESEN PASAR

**(Tenom District Council (Markets) By-Laws 1971**

Lesen Pasar adalah untuk membolehkan peniaga-peniaga menjual di gerai.

- **Gerai Ikan**
  - **Gerai Daging**
  - **Gerai Sayur**
  - **Gerai Barangan Runcit**
  - **Gerai Buah**
  - **Gerai Makanan**
- i. Permohonan Lesen Pasar boleh dibuat melalui mengisi borang permohonan lesen pasar.
  - ii. Tempoh sah lesen berakhir pada 31 Disember
  - iii. Pemohon perlu mengemukakan Kad Kesihatan sekiranya perlu
  - iv. Lesen Pasar tidak boleh ditukar/ dipindah kepada orang lain

### LESEN PENJAJA

**(Tenom District Council (Hawkers) By-Law 1971.)**

Permohonan Lesen Penjaja ini meliputi aktiviti menjaja seperti:-

1. Pasar Makan
2. Pasar Pagi
3. Pasar Minggu
4. Penjaja Bergerak
5. Penjaja Statik
6. Penjaja berkenderaan
7. Bazarena
8. Pasar Borong dan lain-lain

#### Syarat Am

- Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun
- Lesen yang diluluskan bergantung kepada kuota kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan
- Pemilik Lesen sentiasa berada di lokasi perniagaan

#### Dokumen Sokongan

- 1 Salinan Kad Pengenalan
- 3 Keping gambar ukuran passport
- Sijil Kesihatan (Penjaja yang terlibat penyediaan makanan)

### LESEN PREMIS (MAKANAN & MINUMAN)

**Tenom District Council (food and Eating Premises By Laws 1972.**

- Syarat-syarat Am bagi permohonan lesen premis makanan dan minuman
- Wajib menghadiri kursus pengendalian makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis dan mendapatkan suntikan pelalian Anti Thypoid